

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2005**

=====

**PEMBATALAN TERMA-TERMA DI DALAM ARAHAN / PEKELILING-
PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR MENGENAI
PENGURANGAN BAYARAN PREMIUM TAMBAHAN BAGI PERMOHONAN
MENGUBAH KATEGORI DAN TUKAR SYARAT TANAH YANG
BERTENTANGAN DENGAN KAEDAH-KAEDAH TANAH SELANGOR 2003**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pembatalan terma-terma pekeling-pekeling Pengarah Tanah dan Galian Selangor yang didapati bertentangan dengan Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003 iaitu mengenai pengurangan bayaran premium tambahan bagi permohonan mengubah kategori dan tukar syarat tanah.

2. LATAR BELAKANG

Oleh kerana tiada sebarang peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara 1965 atau Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003 yang membolehkan pengurangan bayaran premium tambahan bagi permohonan mengubah kategori dan tukar syarat tanah maka melalui saranan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri di surat bertarikh 31 Disember 2004, no. rujukan PU.SEL.AM.016/Jld 14 dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang diadakan pada 23 Mac 2005, kedua-duanya telah memutuskan bahawa mana-mana Arahan / Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor yang dikeluarkan sebelum ini mengenai pengurangan bayaran premium tambahan bagi permohonan mengubah kategori dan tukar syarat tanah yang bertentangan dengan Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003 hendaklah dibatalkan serta-merta dan pembatalan akan berkuatkuasa sehinggalah pindaan dibuat ke atas Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003.

3. **APLIKASI**

Terma-terma di dalam Arahan / Pekeliling-pekelling yang terlibat dengan pembatalan ialah:

1. Arahan PTG Bil 2 Tahun 2000: Garis Panduan Dalam Memperakukan Pengurangan Bayaran Premium Bagi Kelulusan Pemberimilikan Tanah dan Tukar Syarat Tanah
2. Pekeliling PTG Bil 6 Tahun 2003: Pemberian Insentif Kepada Pemohon Yang Menjelaskan Bayaran Premium Dalam Tempoh Yang Segera.

4. **PEMAKAIAN**

Pembatalan terma-terma ialah setakat mana ianya bertentangan dengan Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003 mengenai apa-apa jenis pengurangan bayaran premium tambahan bagi permohonan mengubah kategori dan tukar syarat tanah sahaja dan pengurangan bayaran premium bagi urusan-urusan yang lain adalah tidak terbatal dan masih berkuatkuasa.

T.T

(ZOAL AZHA BIN YUSOF)

Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 25 JULAI 2005